

HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN KEWANGAN, SIKAP KEWANGAN DAN LITERASI KEWANGAN PELAJAR

THE RELATIONSHIP BETWEEN, FINANCIAL KNOWLEDGE, FINANCIAL ATTITUDE AND FINANCIAL LITERACY AMONG STUDENTS

Rusliza Yahaya¹
Norsamsinar Samsuddin²
Norlia Mat Norwani³
Nor Hanani Ahamad Rapani⁴

^{1,2,3,4}Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Accepted date: 20-09-2018

Published date: 12-12-2018

To cite this document: Yahaya, R., Samsuddin, N., Norwani, N. M., & Rapani, N. H. A. (2018). Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan, Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan Pelajar. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(15), 40–48.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan literasi kewangan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 242 orang mahasiswa ijazah sarjana muda universiti awam di Semenanjung Malaysia. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu analisis korelasi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kewangan dengan literasi kewangan, dan pengetahuan kewangan dengan literasi kewangan. Implikasi kajian ini ialah diharapkan pelbagai program dapat diadakan pada masa hadapan untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa.

Kata Kunci: Sikap Kewangan, Pengetahuan Kewangan, Literasi Kewangan

Abstract: This study aims to investigate the relationship between financial knowledge, financial attitudes and financial literacy among students of higher education institutions. This study is a survey study using questionnaire as a research instrument. The sample consists of 242 undergraduate students of a public university in Peninsular Malaysia. The data were analyzed using statistical descriptive and inferential statistic that is correlation analysis. The findings show that there is a significant relationship between financial attitudes and financial literacy, and between financial knowledge and financial literacy. The implication of this study is that various programs can be implemented in the future to increase financial literacy among students.

Keywords: *Financial Attitudes, Financial Knowledge, Financial Literacy*

Pendahuluan

Perubahan semasa dalam pasaran kewangan dan krisis kewangan global yang berlaku menuntut individu mempunyai pengetahuan dan kompeten dalam menguruskan kewangan mereka. Kepercayaan bahawa literasi kewangan yang baik akan mendorong kepada pembuatan keputusan berkaitan kewangan yang baik telah mula dipertimbangkan oleh ramai pihak (OECD, 2012). Menurut Lusardi dan Mitchell (2011), bagi seseorang yang ingin berjaya dalam masyarakat hari ini, mereka perlulah menjadi seorang yang celik kewangan dan mampu menguruskan hal kewangan mereka dengan baik. Justeru, literasi kewangan telah menarik perhatian ramai pengkaji terdahulu untuk meneroka kesannya terhadap gaya hidup kewangan masyarakat termasuklah individu, belia, usahawan dan sebagainya (Jorgensen, 2007; Lusardi, Mitchell, & Curto, 2010; Mahdzan & Tabiani, 2013; Falahati & Sabri, 2015; Isomidinova & Kartar Singh, 2017).

Peningkatan pendidikan kewangan dianggap sangat penting memandangkan ianya dapat meningkatkan kebebasan sosio ekonomi, analisis kredit, pemilihan produk kewangan yang baik di pasaran dan keupayaan membuat belanjawan (Ramasawmy, Thapermall, Dowlut, & Ramen, 2013). Sebaliknya, kekurangan dalam pendidikan kewangan sering dikaitkan dengan kelemahan dalam merancang kewangan yang boleh membawa kepada masalah muflis. Muflis merupakan satu perkara yang paling ditakuti dan setiap individu perlu menangani masalah tersebut secara serius. Pada masa kini, peningkatan kes muflis di Malaysia adalah sangat membimbangkan. Terdapat golongan belia termasuk mahasiswa yang turut terlibat dalam kes muflis ini. Jadual 1.1 menunjukkan jumlah kes individu muflis di Malaysia dari tahun 2013 - 2017.

Jadual 1: Statistik Kes Muflis Di Malaysia

Tahun	Kes Muflis
2017	18 227
2016	19 588
2015	18 457
2014	22 351
2013	21 987

(Jabatan Insolvensi Malaysia, 2018)

Gaya hidup di luar kemampuan sering menjadi punca utama masalah kewangan yang semakin meruncing dalam kalangan mahasiswa. Mereka merasakan status orang muda bagaikan tercabar sekiranya tidak mengikut trend masa kini terutamanya dari segi penampilan dan gaya. Hal ini membawa kepada bebanan hutang pada usia muda akibat berbelanja secara berlebihan. Oleh itu, aspek pengurusan wang tidak boleh dipandang ringan kerana cabaran hidup pada masa kini semakin mencabar (Yaacob, 2011). Untuk membolehkan mereka merasa selamat dari aspek kewangan, mereka mestilah membuat keputusan yang membolehkan diri mereka berada dalam kesejahteraan kewangan dan harta benda (Mendes-Da-Silva, Nakamura, & Moraes, 2012). Namun, mahasiswa tidak didedahkan kepada kemahiran dan pengetahuan menguruskan pendapatan secara berkesan apabila bekerja kelak, sebaliknya hanya diberikan pengetahuan dan kemahiran untuk mendapatkan

pekerjaan (Ahsan, 2013). Selain itu, mahasiswa juga tidak mempersiapkan diri contohnya mempunyai sedikit simpanan untuk berhadapan dengan kemelut kewangan di alam pekerjaan yang lebih mencabar seiring dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Pada masa kini, segelintir mahasiswa mempunyai kurang pengetahuan tentang pengurusan kewangan yang menyebabkan mereka gagal untuk menguruskan kewangan mereka secara bijak. Terdapat kajian melaporkan bahawa pelajar kolej dan universiti masih tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang mencukupi (Justin, 2003). Kajian oleh Ibrahim, Harun dan Isa (2009) mendapati mahasiswa mempunyai kurang kemahiran pengurusan wang disebabkan oleh kurangnya pengetahuan kewangan terutamanya pelajar ijazah sarjana muda.

Williams (2001) mendapati kurangnya literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa dan keputusan yang dibuat oleh mereka dalam aspek kewangan adalah sangat lemah serta boleh mengancam masa depan mereka. Kajian menunjukkan bahawa mahasiswa yang kurang literasi kewangan terdedah kepada pembuatan keputusan kewangan yang kurang bijak (Chen & Volpe, 2002). Di samping itu, mahasiswa di institusi pengajian tinggi diperlihatkan tidak mempunyai kecekapan dalam menguruskan kewangan kerana perbelanjaan yang dibuat oleh mereka adalah melebihi sumber kewangan yang mereka ada (Mustafa & Fikri, 2011). Oleh hal yang demikian, persoalan timbul berkenaan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengetahui hubungan antara pengetahuan kewangan, sikap kewangan, dan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa di universiti awam di Malaysia. Kajian ini penting memandangkan mahasiswa merupakan golongan yang bakal keluar ke pasaran pekerjaan dan berdikari dengan pendapatan sendiri.

Sorotan Literatur

Literasi Kewangan

Literasi kewangan merupakan gabungan pengetahuan kewangan, kesedaran, kemahiran, kebolehan, sikap dan tingkah laku yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang berhemah (Murugiah, 2016). Menurut Huston (2010) literasi kewangan terdiri daripada dua dimensi iaitu pemahaman dan kegunaan. Pemahaman mewakili pengetahuan kewangan individu dalam pendidikan kewangan dan kegunaan pula merujuk kepada pengurusan pengetahuan kewangan seseorang individu. Menurut Mahdzan dan Tabiani (2013), literasi kewangan bermaksud cara seseorang individu menguruskan wang dari empat aspek iaitu insurans, pelaburan, tabungan dan juga penyediaan bajet. Dalam literasi kewangan, simpanan, pinjaman, pelaburan dan juga bajet merupakan empat perkara yang paling biasa (Remund, 2010). Sorotan literatur mendapati tiada definisi yang jelas dan seragam mengenai literasi kewangan. Namun begitu secara umumnya majoriti definisi yang diberikan sesuai dengan salah satu kategori berikut iaitu pengetahuan mengenai konsep kewangan, keupayaan untuk menyampaikan konsep kewangan dan keyakinan untuk merancang keperluan kewangan masa depan (Remund, 2010).

Kajian lepas menunjukkan bahawa literasi kewangan dalam kalangan belia adalah rendah (Beal & Delpachitra, 2003; Jorgensen, 2007; Lusardi, Mitchell, & Curto, 2010; Falahati & Sabri, 2015; Isomidinova & Kartar Singh, 2017). Beal dan Delpachitra (2003) mengkaji literasi kewangan di kalangan mahasiswa universiti di Australia. Hasil kajian menunjukkan literasi kewangan adalah rendah yang berpunca daripada kurangnya pendidikan berkaitan kemahiran kewangan di universiti. Lusardi, Mitchell dan Curto (2010) pula mengkaji literasi kewangan di kalangan belia di Jerman dan hasil kajian menunjukkan literasi kewangan

adalah rendah. Dalam erti kata lain, tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa perlu diterapkan bagi membantu mereka menguruskan dan mengendalikan kewangan mereka setelah mampu berdikari dengan pendapatan sendiri.

Pengetahuan Kewangan

Huston (2010), menyatakan bahawa pengetahuan kewangan merupakan dimensi yang tidak dapat dipisahkan dari literasi kewangan. Menurut Azmi dan Chong (2014), istilah literasi kewangan, pengetahuan kewangan dan pendidikan kewangan sering digunakan secara berganti-ganti dalam kesusasteraan dan media popular. Pengetahuan kewangan, keupayaan dan kognisi mental merupakan item yang terdapat dalam literasi kewangan yang dapat membantu individu menguruskan aset dan sumber kewangan mereka secara efektif untuk kehidupan yang bahagia (Chen, Wang, Yang & Yuan, 2014). Ia boleh dinyatakan dalam tiga aspek iaitu pemahaman yang betul mengenai teori dan produk kewangan, penilaian dan kecenderungan dalam persekitaran kewangan dan keupayaan menggunakan alat kewangan untuk menyelesaikan perancangan modal.

Njoroge (2013) mendapati bahawa literasi kewangan berkait rapat dengan pendidikan yang diterima oleh seseorang. Terdapat kajian menunjukkan individu yang mempunyai pengetahuan kewangan merupakan individu yang celik kewangan (Ali, Rahman, & Bakar, 2013). Mereka akan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih baik mengenai bagaimana untuk menguruskan urusan kewangan mereka. Ramasawmy et al (2013) mendapati kebanyakan mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana dalam literasi kewangan dan juga dalam pinjaman dan simpanan. Kebanyakan mahasiswa mempunyai tahap asas dalam aspek pengetahuan kewangan, tetapi mereka kurang pemahaman dalam aspek kredit, cukai, pasaran saham, penyata kewangan dan juga insurans (Thapa & Nepal, 2015). Van Rooij, Lusardi, dan Alessie (2011) mendapati majoriti responden menunjukkan pengetahuan kewangan asas dan memahami konsep seperti inflasi, kompaun faedah dan nilai masa wang. Kajian lepas mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kewangan dan literasi kewangan (Ibrahim, Harun & Isa, 2010; Thapa, 2015).

Sikap Kewangan

Sikap kewangan boleh ditakrifkan sebagai satu prinsip kewangan untuk mewujudkan dan mengekalkan nilai ketika membuat sebarang keputusan dan pengurusan sumber (Eagle & Chaiken 1993). Oleh itu, sikap kewangan boleh dianggap sebagai kecenderungan psikologi yang ditunjukkan apabila menilai amalan pengurusan kewangan yang disyorkan dengan beberapa tahap bersetuju atau tidak bersetuju (Jodi & Phyllis 1998). Untuk menguruskan kewangan secara berkesan, pengetahuan kewangan sahaja tidak mencukupi kerana pengaruh pengetahuan kewangan terhadap tingkah laku juga dinilai dari segi sikap kewangan seseorang mahasiswa (Norvilitis & Maclean, 2010; Xiao, Tang, Serido & Shim, 2011). Tambahan pula, generasi muda jarang mempraktikkan kemahiran asas kewangan mereka seperti belanjawan, perbelanjaan secara berjimat, menyediakan pelan simpanan tetap, atau perancangan untuk keperluan jangka masa panjang (Pillai, Carlo, & D'Souza, 2010).

Sikap kewangan didapati mempunyai kesan positif terhadap literasi kewangan (Jang, Hahn & Park, 2014). Hasil kajian Albeerdy dan Gharleghi (2015) di beberapa kolej dan universiti di Malaysia menunjukkan sikap kewangan mempunyai pengaruh langsung kepada literasi kewangan. Terdapat hubungan yang positif antara sikap kewangan dengan literasi kewangan dan ini membuktikan pembolehubah bebas tersebut merupakan penentu kepada literasi

keuangan. Ibrahim et al (2010) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kewangan dengan literasi kewangan dimana hasil kajian menunjukkan sikap kewangan adalah pembolehubah yang paling signifikan berbanding dengan pembolehubah lain seperti pengetahuan kewangan.

Metodologi

Jumlah populasi kajian terdiri daripada 647 orang pelajar. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang diperlukan adalah sebanyak 242. Bagi kajian ini, sebanyak 300 borang soal selidik telah diedarkan kepada mahasiswa dan sebanyak 270 borang selidik telah dikembalikan (kadar respon sebanyak 90%). Namun, hanya 242 borang soal selidik yang lengkap dan digunakan dalam kajian ini.

Soal selidik digunakan dalam kajian ini telah diadaptasi dari Chinen dan Endo (2012) dan Potrich, Vieira dan Da-Silva (2016). Soal selidik terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A, terdiri daripada maklumat demografi. Bahagian B mempunyai sembilan soalan berkaitan sikap kewangan. Skala likert telah digunakan dalam borang soal selidik untuk mengukur sikap kewangan. Skala pengukuran meningkat daripada sangat tidak setuju (nilai indikator 1) sehingga sangat setuju (nilai indikator 5). Antara contoh item soal selidik sikap kewangan ialah “adalah penting untuk mengawal perbelanjaan bulanan”. Bahagian C mengandungi soalan berkaitan pengetahuan kewangan. Soalan berkaitan pengetahuan kewangan dibahagikan kepada dua kategori iaitu pengetahuan kewangan (asas) dan pengetahuan kewangan (sukar). Soalan pengetahuan kewangan (asas) terdiri daripada 3 soalan. Manakala, soalan pengetahuan kewangan (sukar) pula terdiri daripada 5 soalan. Pilihan jawapan digunakan untuk mengukur markah responden. Bagi soalan pengetahuan kewangan (asas), setiap jawapan yang betul diberikan satu markah. Manakala, markah kosong akan diberikan untuk setiap jawapan yang salah. Bagi kategori pengetahuan kewangan (sukar) pula, setiap jawapan yang betul akan diberikan dua markah dan kosong markah diberikan untuk jawapan yang salah. Soalan-soalan berkaitan pengetahuan kewangan berbentuk pernyataan yang berkaitan kewangan tanpa memerlukan pengiraan. Bahagian C terdiri daripada 10 soalan berkaitan literasi kewangan. Dua markah akan diberikan untuk setiap jawapan yang betul dan kosong markah jika jawapan yang diberikan adalah salah. Soalan-soalan berkaitan literasi kewangan berbentuk pernyataan berkaitan kewangan yang memerlukan sedikit pengiraan.

Dapatan dan Perbincangan

Latar Belakang Responden

Kajian ini disertai oleh lebih ramai responden perempuan berbanding lelaki. Sebanyak 174 orang (71.9%) adalah mahasiswa perempuan manakala mahasiswa lelaki berjumlah 68 orang (28.1%). Sebanyak 51.2% responden mengambil kursus perakaunan manakala 48.8% responden mengambil kursus pengurusan perniagaan. Untuk kategori CGPA, majoriti responden dalam kajian ini memperoleh CGPA di antara julat 3.51- 4.00 (40.5%) diikuti responden yang memperoleh CGPA 3.01- 3.50 (32.6%), CGPA 2.51- 3.00 (24.4%), CGPA dibawah 2.50 (2.5%). Bagi kategori pernahkah anda mengambil subjek pengurusan kewangan, seramai 150 orang responden (62.0%) pernah mengambil subjek pengurusan kewangan manakala, seramai 92 orang responden yang mewakili 38.0% tidak pernah mengambil subjek pengurusan kewangan.

Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan Dan Tahap Literasi Kewangan

Jadual 2 menunjukkan nilai korelasi Pearson antara pengetahuan kewangan dan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Nilai korelasi ($r=0.476$), $p=0.000$, $p<0.05$) menunjukkan hubungan korelasi adalah signifikan. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan kewangan dan tahap literasi kewangan. Nilai pekali korelasi $r=0.476$ adalah kategori hubungan korelasi sederhana. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kewangan dengan tahap literasi kewangan mahasiswa.

Jadual 2: Hubungan Antara Pengetahuan Kewangan Dan Tahap Literasi Kewangan

Pengetahuan Kewangan	Literasi Kewangan	
	Korelasi Pearson (r)	0.476
Nilai Sig. (p)	0.000	

** . Signifikan pada aras $p<0.05$.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Ibrahim et al (2010) dan Thapa (2015) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kewangan dan literasi kewangan. Kebanyakan mahasiswa tidak memahami relevan di sebalik pengetahuan kewangan dan aplikasinya kepada literasi kewangan. Walaubagaimanapun, golongan mahasiswa memahami bahawa kekurangan pengetahuan kewangan boleh memberi kesan negatif kepada masa depan mereka. Institusi pendidikan seperti universiti seharusnya mendidik mahasiswa tentang pengetahuan kewangan contohnya bagaimana untuk mengendalikan hutang pinjaman pendidikan mahasiswa.

Hubungan Antara Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan

Jadual 3 menunjukkan nilai korelasi Pearson antara sikap kewangan dan tahap literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa. Nilai korelasi ($r=0.356$), $p=0.000$, $p<0.05$) menunjukkan hubungan korelasi adalah signifikan. Keputusan korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap kewangan dan tahap literasi kewangan. Nilai pekali korelasi $r=0.356$ adalah kategori hubungan korelasi rendah. Maka, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kewangan dengan tahap literasi kewangan mahasiswa.

Jadual 3: Hubungan Antara Sikap Kewangan Dan Literasi Kewangan

Sikap Kewangan	Literasi Kewangan	
	Korelasi Pearson (r)	0.356
Nilai Sig. (p)	0.000	

** . Signifikan pada aras $p<0.05$.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Albeerdy dan Gharlegghi (2015) yang mendapati terdapat hubungan yang positif di antara sikap kewangan dengan literasi kewangan dan ini menunjukkan sikap kewangan merupakan penentu kepada literasi kewangan. Sikap merupakan satu aspek yang penting kepada literasi kewangan. Mahasiswa yang mempunyai sikap kewangan yang baik akan mempunyai literasi kewangan yang baik. Oleh itu, mahasiswa haruslah diterapkan sikap yang positif dalam diri mereka supaya mereka dapat menguruskan kewangan dengan lebih teratur.

Selain itu, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian oleh Ibrahim et al (2010) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap kewangan dan literasi kewangan di mana sikap kewangan adalah pembolehubah yang paling signifikan berbanding pembolehubah lain. Sikap seperti mengawal perbelanjaan bulanan dan menyimpan wang secara konsisten akan memberi kesan kepada masa depan mahasiswa. Jang, Hahn dan Park (2014) juga mendapati terdapat hubungan yang positif di antara sikap kewangan dengan literasi kewangan. Sikap kewangan seperti sentiasa kekal dalam bajet dapat membantu mahasiswa dari masalah kewangan. Oleh itu, mahasiswa mestilah sentiasa peka dengan situasi kewangan mereka supaya tidak terlebih belanja.

Kesimpulan

Kajian lepas banyak menunjukkan pengaruh literasi kewangan terhadap gaya hidup kewangan masyarakat termasuklah individu, belia, usahawan, mahasiswa dan sebagainya. Ini adalah kerana literasi kewangan dapat membantu setiap individu dalam membuat keputusan kewangan yang baik dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa tahap literasi kewangan mahasiswa mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengetahuan kewangan dan sikap kewangan mereka. Kajian ini mendapati terdapat hubungan yang lemah di antara sikap kewangan dengan literasi kewangan dan terdapat hubungan yang lemah di antara pengetahuan kewangan dengan literasi kewangan dimana korelasi antara pembolehubah adalah pada tahap yang sangat rendah. Untuk meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa, beberapa cadangan telah diberikan berdasarkan kajian-kajian yang lepas. Antaranya ialah dengan meningkatkan pendidikan kewangan pelajar. Pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan pendidikan kewangan sama ada melalui kursus kewangan atau melalui program-program yang dijalankan di peringkat universiti. Ini kerana literasi kewangan adalah satu aspek yang penting dalam pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa. Terdapat banyak faedah yang akan diperoleh oleh mahasiswa melalui pengurusan kewangan. Antaranya ialah membolehkan mahasiswa mencapai matlamat yang telah ditetapkan sama ada matlamat jangka panjang atau matlamat jangka pendek, dapat memastikan penggunaan wang yang lebih baik, boleh mendisiplinkan diri dalam merancang penggunaan wang atau berbelanja, memberi pulangan untuk menghargai wang yang diperoleh, dan membantu mahasiswa menghadapi cabaran masalah kewangan dengan cekap. Secara umumnya institusi pendidikan perlu memainkan peranan penting dalam memupuk dan mendidik pelajar berkaitan dengan pengetahuan kewangan. Mahasiswa juga sebaiknya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang memberikan kepelbagaian kemahiran dalam diri mereka agar mereka lebih kreatif dan inovatif di dalam mengekalkan survival diri mahupun keluarga mereka.

Dapatan kajian ini terbatas kepada mahasiswa di sebuah universiti awam sahaja. Oleh itu dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada mahasiswa di seluruh Malaysia. Di samping itu kajian ini dilakukan dengan kaedah kuantitatif menggunakan set soal selidik yang diadaptasi. Justeru itu, data yang diperoleh sangat bergantung kepada kejujuran responden menjawab soal selidik yang ditadbirkan. Adalah dicadangkan agar kajian lanjutan boleh diluaskan lagi dengan menambah konstruk kajian dan skop kajian. Kajian akan lebih meluas dan memberikan dapatan dari aspek berbeza. Teknik kajian juga boleh menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif. Ia akan mengukuhkan lagi dapatan kajian.

Rujukan

- Agarwalla, S.K., Barua, S.K., Jacob, J. & Varma, J.R. (2013), "Financial literacy among working young in urban India", Working Paper No. 2013-10-02, Indian Institute of Management Ahmedabad.
- Ahsan, M.H. (2013). Financial literacy research on undergraduate students in Malaysia: Current literature and research opportunities. *International Journal of Education and Research* 1 (11): 1-12.
- Albeerdy, M.I., & Gharleghi, B., (2015). Determinants of the Financial Literacy among College Students in Malaysia, *International Journal of Business Administration*, 6 (3): 15-24.
- Atkinson, A. & Messy, F. (2012), "Measuring financial literacy: results of the OECD/International Network on Financial Education (INFE) Pilot study", Working Paper No.15, OECD Working Papers on Finance, Insurance and Private Pensions, OECD Publishing, Paris.
- Azmi, M. & Chong, R. (2014). Financial Literacy: An Exploratory Review of the Literature and Future Research. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 2(3): 1–8.
- Beal, D.J. & Delpachitra, S. B. (2003), "Financial Literacy among Australian University Students", *Journal of Applied Economics and Policy*, 22(1), 65-78.
- Chen, H. & Volpe, R. P. (2002). Gender Differences in Personal Financial Literacy among College Students. *Financial Services Review* 11: 289-307.
- Chen, H., Wang, Y., Yang, S., & Yuan, H. (2014). Empirical Research on Shanghai Residents' Financial Literacy. *International Journal of Financial Research*, 5(1): 101–106. doi:10.5430/ijfr.v5n1p101.
- Eagly, A. H., & Chaiken, S. (1993). *The psychology of attitudes*. Fort Worth, TX: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Falahati, L. & Sabri, M. F. (2015). An Exploratory Study of Personal Financial Wellbeing Determinants: Examining the Moderating Effect of Gender. *Assian Social Science*, 11(4), 33-42.
- Huston, S.J. (2010), "Measuring Financial Literacy", *The Journal of Consumer Affairs*, 44 (2), 296-316.
- Ibrahim, D., Harun, R. & Isa Z. M., (2010). A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students. *Cross-Cultural Communication*, 5(4): 51-59.
- Isomidinova, G & Kartar Singh, J.S. (2017). Determinants of Financial Literacy: A Quantitative Study Among Young Students in Tashkent, Uzbekistan. *Electronic Journal of Business Management*, 2(1), 61-75.
- Jang, K., Hahn, J., & Park, H.J. (2014). Comparison of Financial Literacy Between Korean and US High School Students. *International Review of Economic Education*, 16,22-38.
- John Abdullah, S.A, Ahmad, H (2007). *Kewangan & Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jorgensen, B.L. (2007). "Financial Literacy of College Students: Parental and Peer Influences". *Master Thesis Submitted to Virginia Polytechnic Institute And State University In Master Of Science In Human Development*. Blacksburg, Virginia.
- Lusardi, A. & Mitchell, O.S. (2013), "The economic importance of financial literacy: theory and evidence", Working Paper No 18952, National Bureau of Economic Research, Cambridge, MA.
- Lusardi, A., Mitchell, O.S., & Curto, V. (2010). Financial Literacy among the Young: Evidence and Implications for Customer Policy. CFS Working Paper 2010/09.
- Lusardi, A, Mitchell, O.S. & Curto, V. (2010), Financial Literacy among the Young, *Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 358- 380.

- Mahdzan, N.S. & Tabiani, S. (2013). The impact of financial literacy on individual saving: An exploratory study in the Malaysian context. *Transformations in Business & Economics* 12(1): 41-55.
- Mendes-Da-Silva, W., Nakamura, W.T & Moraes, D.C. (2012). Credit card risk behavior on college campuses: evidence from Brazil', *BAR: Brazilian Administration Review*,9(3), 351-373.
- Mustaffa, W & Fikri, M. (2011). Kecekapan pengurusan Kewangan Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Norvilitis, J.M. & Maclean, M.G. (2010), The role of parent in college students' financial behaviors and attitudes, *Journal of Economic Psychology*, 31(1), 55-63.
- Norvilitis, J.M. & Mendes-Da-Silva, W. (2013). Attitudes towards credit and finances among college students in Brazil and the United States, *Journal of Business Theory and Practice*, 1(1), 132-151.
- Organization for Economic Co-Operation and Development (OECD) (2012), *OECD/INFE High-Level Principles on National Strategies for Financial Education*, OECD Publishing, Paris.
- Pillai, R., Carlo, R., & D'souza, R. (2010). Financial prudence among youth. Munich Personal RePEc Archive, 22. Retrieved from http://mpra.ub.uni-muenchen.de/22450/1/MPRA_paper_22450.pdf.
- Ramasawmy, D., Thapermall, S., Dowlut, S.A., & Ramen, M. (2013). A Study of the Level of Awareness of Financial Literacy among Management Undergraduates. *Proceedings of 3rd Asia-Pacific Business Research Conference 25-26 February 2013, Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Remund, D.L. (2010), Financial literacy explicated: the case for a clearer definition in an increasingly complex economy, *The Journal of Consumer Affairs*, 44(2), 276-295
- Sabri, M.F. & Macdonald, M. (2010), Savings behavior and financial problems among college students: the role of financial literacy in Malaysia, *Cross Cultural Communication*, 6(3), 103-10.
- Thapa, B. S. (2015). Financial Literacy in Nepal: A Survey Analysis from College Students. *NRB Economic Review*, 27 (1): 49-74.
- Van Rooij. M., Lusardi, A. & Alessie, R. (2011). Financial Literacy and Stock Market Participation. *Journal of Financial Economics*. 101 : 449-472.
- Varcoe, K. P, Martin, A., Devitto, Z. & Go, C. (2005). Using a Financial Education Curriculum for Teens. *Association for Financial Counseling and Planning Education*. 16(1): 63-72.
- Williams, F.L. (2001). Financial Success for College Students: Climbing the Step From Financial Dependence To Independence. Purdue University. Retrieve online at <http://www.bankrate.com/finance/personal-finance/more-students-juggling-work-and-higher-education.aspx>.
- Xiao, J.J., Tang, C., Serido, J. & Shim, S. (2011), "Antecedents and consequences of risky credit behavior among college students: application and extension of the theory of planned behavior", *Journal of Public Policy & Marketing*, 30(2), 239-258.
- Yaacob, Z. (2011). Teknik Urus Wang Individu Berkesan. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd Publication.